

Antara Tradisi dan Pembangunan dalam Konteks Perubahan Sosiobudaya Komuniti Muara

Between Tradition and Development in Context Sociocultural Changes Estuarine Community

SITI FAIRUZ MOHD YUSOF & NOR HAYATI SA'AT

ABSTRAK

Komuniti yang bermastautin di muara sungai dikategorikan sebagai komuniti pinggir bandar yang kurang membangun dan ketinggalan daripada arus perdana pembangunan. Senario ini terdapat di negeri Terengganu, khususnya di Pulau Sekati. Dalam era globalisasi ini, proses transformasi pesat yang berlaku di Kuala Terengganu memberikan kesan yang mendalam kepada komuniti muara ini. Persoalan mengenai perubahan sosiobudaya dalam kalangan komuniti muara adalah suatu persoalan penting dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan sosiobudaya komuniti muara di Kampung Pulau Sekati. Kaedah kajian berbentuk kualitatif iaitu semi etnografi menggunakan borang soal selidik semi struktur dan temu bual mendalam ke atas 25 orang informan (22 orang KIR dan 3 orang IR). Hasil kajian mendapati aspek sosiobudaya daripada segi aktiviti kejiwaan masih kuat dan menjadi teras kekuatan dalam kalangan ahli komuniti, serta dari segi amalan keagamaan. Manakala sosiobudaya dari segi amalan tradisi/ adat dalam komuniti masih ada yang diamalkan dan ada yang telah pudar ditelan zaman. Selain itu, daripada aspek budaya melalui pendidikan pun turut dikaji, empat generasi komuniti muara ini dikaji bermula daripada generasi datuk, bapa, informan dan anak informan. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada korpus ilmu sosiologi pembangunan, khususnya kajian mengenai perubahan dan implikasi arus pemodenan dalam kalangan komuniti muara. Hasil kajian ini dapat membantu kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk menggubal dasar serta melaksanakan program di kawasan ini yang boleh mendorong, mengurus perubahan dan pembangunan komuniti muara yang terpinggir ini dengan lebih baik lagi.

Kata kunci: Komuniti muara; perubahan sosiobudaya; etnografi; tradisi; pembangunan

ABSTRACT

The communities that settle in river estuarine are categorized as underdeveloped and fall behind mainstream development. The scenario occurs in Terengganu, particularly in Pulau Sekati. In this era of globalization, the rapid transformation process that takes place in Kuala Terengganu has a profound effect on this estuary community. The question of socio-cultural change among the estuary community is an important point in this study. This study aims to study the socioeconomic changes of the estuary community in Kampung Pulau Sekati. This study adopted a qualitative approach used was semi ethnographic using semi-structured questionnaires and in-depth interviews were also conducted with 25 informants (22 chief household and 3 household). The findings show that socio-cultural aspects of neighborhood activity are still strong and are the core of strength among community members, while socio-cultural societal practices in the community are still practiced and some have faded in the decades of time. Besides that, from the sociocultural aspect, especially in the context of education, based on four generation from grandfather, father, informants and informant's children. Therefore, this study is expected contribute to the scientific corpus in Sociology Development especially the study of the changes and implications of the modernization of the estuary community. The results of this study will help the government and other stakeholders may formulate and implement appropriate programmes to stimulate and manage change and development in this marginalized community estuarine.

Keywords: Estuarine community; sociocultural change; ethnography; tradition; development

PENGENALAN

Cabaran utama Malaysia sejak mencapai kemerdekaan ialah cabaran untuk meningkatkan taraf hidup penduduk negara ini agar seiring dengan pembangunan yang di kecapi terutamanya bagi penduduk luar bandar. Pembangunan adalah fokus utama dan agenda penting dalam sesebuah negara yang mahukan keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup ahli dalam komuniti. Menurut para sarjana sains sosial dan kemanusiaan, pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial yang lebih menyeluruh sifatnya (Shamsul Amri (1990), Abdul Rahman (2007), Rahimah (2001)).

Menurut Abdul Rahman (2007) pembangunan adalah fokus utama dan agenda penting dalam sesebuah negara yang mahukan keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup ahli dalam komuniti. Menyentuh tentang aspek pembangunan ia sering dikaitkan dengan pertumbuhan, khususnya perubahan ekonomi dan sosiobudaya. Salah satu elemen penting dalam pembangunan ialah perubahan sosiobudaya bagi komuniti adalah perubahan dari segi pendidikan. Pendidikan adalah salah satu agen sosial bagi menjalankan proses sosialisasi kerana ia membuka ruang dan peluang kepada individu untuk mendapatkan pekerjaan (Nor Hayati 2017). Malahan tidak dinafikan bahawa pendidikan adalah salah satu kekuatan sosial komuniti untuk mengembangkan pembinaan anggota masyarakat supaya relevan mengikut peredaran zaman.

Ini juga terdapat dalam Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) yang dibentangkan dengan tujuh teras utama dan salah satunya ialah mempergiatkan pembangunan dalam dan luar bandar untuk rakyat (Kementerian Kewangan Malaysia 2018). Oleh yang demikian, bagi mengatasi cabaran tersebut pihak kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki taraf sosioekonomi dengan merancang serta menyediakan pelbagai keperluan pembangunan agar dapat di kecapi oleh semua. Namun, masih terdapat sebahagian daripada anggota masyarakat yang masih tersisih dan terpinggir daripada segi pembangunan dan peluang-peluang ekonomi sebagaimana yang dinikmati masyarakat arus perdana dan mereka ini dinamakan sebagai “komuniti terpinggir” (Nor Hayati 2010).

Umumnya, komuniti yang sering terpinggir sering dirujuk kepada masyarakat Orang Asli sahaja. Namun begitu, ramai yang kurang menyedari bahawa masyarakat yang tinggal jauh

daripada kawasan pembangunan bandar juga terpinggir. Mereka ini terdiri daripada komuniti muara (Siti Fairuz 2013a). Komuniti muara adalah sekumpulan manusia yang mendiami kawasan muara sungai dan menjalankan aktiviti ekonomi sebagai nelayan tradisional. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena tersebut ialah keterpisahan geografi. Penempatan mereka dipisahkan oleh sungai daripada kawasan pusat bandar berhampiran, kesukaran perhubungan, saiz ahli komuniti yang kecil dan terpisah daripada komuniti lain, tidak ada program-program pembangunan ekonomi yang efektif, taraf pendidikan dan kesedaran yang rendah, dan ketiadaan pemimpin komuniti yang berkesan atau mempunyai daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk merancang sesuatu program yang boleh memanfaatkan komuniti tersebut (Abdul Rahman 2007).

Oleh yang demikian, dalam kajian ini dilihat bahawa pembangunan yang terjadi adalah terhasil daripada nilai tradisi komuniti itu sendiri, walau pun sesebuah komuniti membangun namun tradisi mereka tidak sepatutnya dilupakan. Ini yang dialami oleh komuniti muara walau pun pembangunan yang terjadi dalam komuniti muara namun akar umbi tradisi mereka masih dikekalkan dan diwarisi. Justeru itu, artikel ini membincangkan mengenai tradisi dan pembangunan yang dialami oleh komuniti muara dalam perubahan sosiobudaya.

PENYATAAN MASALAH

Sejak berdekad ini, persoalan tentang pembangunan telah menjadi isu yang sering diperdebatkan oleh ramai sarjana sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelbagai teori dan konsep pembangunan dizahirkan namun masalah kemiskinan, kemunduran, dan ketidaksamaan masih lagi melingkari kehidupan masyarakat. Dalam konteks ini, ramai sarjana menganggap dunia pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 merupakan dunia yang semakin tidak sama rata; bumi yang kaya raya ini dilihat hanya untuk sejumlah kecil manusia, manakala sejumlah besar masih tetap terpinggir (Ishak Shaari 1999). Keinginan kerajaan untuk menghapuskan masalah kemiskinan dianggap sebagai satu cabaran social dalam kalangan negara-negara membangun seperti Malaysia. Hasrat kerajaan ini boleh disedari apabila pembangunan yang dirancang pemerintah bukan sahaja dari segi ekonomi atau kebendaan,

malah melibatkan aspek-aspek lain seperti sosial (Rahimah 2001).

Misalnya, kerajaan berusaha membawa pembangunan ke kawasan luar Bandar menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menggalakkan kemajuan di tempat tertentu. Usaha ini dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan penduduk desa ke bandar. Faedah yang di terima penduduk daripada pembangunan telah mengubah sosiobudaya dan mobiliti sosial mereka (Nor Hayati 2017).

Di Terengganu misalnya, perkembangan pembangunan sosiofizikal bandar-bandarnya begitu rancak dan mengagumkan selepas perubahan kepimpinan politik dan dengan kewujudan pelbagai peluang di sektor ekonomi seperti di Paka, Kemaman dengan kewujudan industri cari gali minyak (PETRONAS) (Katiman Rostam et al. 2006). Di Kuala Terengganu itu sendiri tidak kurang hebatnya ia dapat diibaratkan seperti “semut yang mengerumuni gula” pada musim cuti sekolah, perayaan dan cuti umum dengan adanya tarikan seperti Pasar Payang, Masjid Kristal, Taman Tamadun Islam (TTI), *River Cruise* yang mengelilingi TTI, *Terengganu Trade Centre* (TTC) dan Muzium Negeri yang merupakan muzium terbesar di Asia Tenggara (Siti Fairuz 2013b). Malah, Kuala Terengganu turut telah mendapat gelaran “Bandar Raya Pesisir Air” pada tahun 2008 kerana Kuala Terengganu merupakan sebagai pusat pembangunan yang penting di Negeri Terengganu (Abdul Rahman 2012). Walaupun pembangunan di Terengganu semakin pesat membangun, masih lagi terdapat segelintir masyarakat yang tidak merasai pembangunan yang sama untuk dikecapi terutamanya komuniti muara Kampung Pulau Sekati, Kuala Terengganu. Mengapakah terjadi sedemikian? Oleh itu, kajian ini ingin meneliti perubahan sosiobudaya komuniti muara ini sama ada masih kekal tradisinya atau telah mengalami perubahan seiring dengan pembangunan dan kemajuan di Kuala Terengganu.

OBJEKTIF KAJIAN

Persoalan mengenai perubahan sosiobudaya dalam kalangan komuniti muara adalah suatu persoalan penting dalam kajian ini. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan beberapa penemuan kajian mengenai perubahan sosiobudaya komuniti muara di Kampung Pulau Sekati. Penulis ingin melihat

perubahan sosiobudaya yang berlaku terhadap komuniti muara dalam aspek pendidikan, amalan keagamaan dan adat budaya komuniti muara Kampung Pulau Sekati dalam tempoh 15-20 tahun bermula selepas merdeka sehinggalah sekarang pada tahun 2015.

KONSEP PEMBANGUNAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Sejak berdekad ini, persoalan tentang pembangunan telah menjadi isu yang sering diperdebatkan oleh ramai sarjana sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya S.Husin Ali (1987), Shamsul Amri (1990), Ishak Shaari (1999), Rahimah (2001) dan Abdul Rahman (2007). Pelbagai teori dan konsep pembangunan dizahirkan namun masalah kemiskinan, kemunduran, dan ketidaksamaan masih lagi melingkari kehidupan masyarakat.

Menurut para sarjana sains sosial dan kemanusiaan, pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial yang lebih menyeluruh sifatnya. Pembangunan dapat dikategorikan kepada dua bentuk iaitu pembangunan yang dirancang dan pembangunan yang tidak dirancang. Pembangunan juga dapat diungkapkan sebagai *social engineering* yang melibatkan banyak pihak untuk menjayakannya iaitu perencana, pelaksana, penerima, dan terpenting sekali pembiaya (Shamsul Amri 1990).

Dalam sosiologi pembangunan, daripada epistemologinya pembangunan diertikan memberi penekanan yang sama ke atas semua aspek seperti ekonomi, sistem dan kekuasaan politik, sosial, psikologi, kebudayaan, stratifikasi sosial dan lain-lain yang dipercayai mempunyai kesan ke atas usaha-usaha pembangunan dan perubahan sesuatu masyarakat atau sesebuah negara. Pembangunan sering memperlihatkan dua aliran iaitu aliran pertama; menekankan daya luaran sebagai pencetus pembangunan dan kedua; menekankan daya dalaman sebagai pencetus pembangunan. Umumnya, faktor dalaman ialah faktor-faktor yang terdapat dalam sesebuah masyarakat atau sesebuah negara seperti sumber-sumber pengeluaran dan kekayaan, sikap, daya usaha, motivasi, bentuk kepimpinan dan kestabilan politik. Manakala, faktor luaran pula ialah faktor-faktor yang didatangkan dari luar seperti bantuan dan pinjaman asing, penjajahan dan *imperialisme* (Rahimah 2001).

Menurut Rahimah (2001) lagi, pembangunan bermula pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 iaitu dikenali sebagai pembangunan masyarakat. Pada masa itu pembangunan diterangkan bukan (didefinisikan) sebagai satu proses pertumbuhan yang sehalu yang berterusan mengikut transformasi yang berturutan. Ini selaras dengan pendapat dan pandangan U Thant, iaitu 'pembangunan = pertumbuhan ekonomi + perubahan sosial'. Ini dapat diertikan bahawa kerajaan akan mengerakkan pertumbuhan seiring dengan pembangunan.

Oleh yang demikian, dapat ditafsirkan pembangunan adalah berkaitan dengan kehidupan manusia yang merangkumi masalah dan proses penyelesaiannya. Pembangunan adalah satu kegiatan yang berorientasikan matlamat dan nilai serta ditumpukan kepada pencapaian kesejahteraan manusia yang optimum dalam semua bidang dan ini membebaskan manusia daripada segala bentuk penindasan, penekanan dan eksploitasi. Oleh itu, faktor masa lampau adalah perlu diambil kira dalam menentukan sesebuah pembangunan yang ingin di kecapai.

Bagi konteks pembangunan komuniti pula sarjana yang terlibat ialah Ploch (1976), Hope (1980), dan Abdul Rahman (2007). Bagi Ploch (1976) definisi pembangunan komuniti adalah penglibatan aktif masyarakat setempat dalam menjalankan program-program pembangunan yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka. Kenyataan Ploch ini disokong oleh Hope (1980) iaitu di mana penglibatan komuniti melibatkan satu atau pelbagai proses dan proses itu bermula dengan pengenalan masalah sehinggalah kepada proses penyelesaian yang dialami oleh komuniti itu sendiri. Bagi Hope, perubahan akan dapat dirasakan oleh ahli dalam komuniti sekiranya proses ini melibatkan pelbagai pihak dan disertai oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan, NGO dan ahli komuniti itu sendiri. Malahan, menurut Abdul Rahman (2007) pembangunan komuniti bukan sahaja yakni menggerakkan pembangunan sosioekonomi dalam meningkatkan taraf hidup mereka, bahkan konsep pembangunan komuniti juga mempunyai dimensi yang lain, yang bermaksud usaha membina kehidupan komuniti.

Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh setiap ahli komuniti walaupun kecil namun ia memberi impak kepada pembangunan dalam komuniti tersebut secara sedar atau tidak sedar. Diakui sesebuah pembangunan yang lestari ialah pembangunan yang tidak mengubah keaslian dalam

sesebuah komuniti. Malah, terdapat juga pelbagai kelemahan dan kekurangan yang lahir daripada aspek pembangunan. Pembangunan yang baik merangkumi ketiga-tiga aspek iaitu pembangunan modal manusia, modal sosial dan faktor struktural (Nor Hayati 2011 & 2014).

Umumnya, dapat disimpulkan bahawa pembangunan dan komuniti adalah suatu proses yang perlu bergerak seiring ini di mana hasil daripada pendapat daripada tokoh-tokoh dan pengkaji di atas bahawa sesebuah komuniti akan 'menjadi' jika ia bermula dengan proses kesediaan daripada semua pihak dan adanya timbal balik daripada semua aspek, proses pembangunan bukan sahaja dilihat daripada aspek fizikal semata-mata ia merangkumi aspek rohani dan jasmani. Bagi komuniti muara, pembangunan dan komuniti adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan walaupun terdapat pelbagai isu yang timbul disebabkan kurangnya timbal balik yang wujud antara pihak atasan dan golongan bawahan.

KONSEP TRADISI DAN PERUBAHAN SOSIAL

Menurut Auguste Comte (1957) tradisi adalah "*The dead govern the living*" (Dlm. Abdul Rahman, 2007). Bagi Bloom (1987) pula menyatakan "*as soon as tradition has come to recognized as tradition, it is dead*". Manakala menurut Encyclopedia Social Sciences (1968), tradisi (tradition) berasal daripada perkataan Latin, *traditio* yang bermaksud menyerahkan (*surrender; delivery*) perkataan ini memberi makna segala pandangan, doktrin, amalan peribadatan, adat kebiasaan yang diwariskan daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Pengkaji Nordskog, 1960; Robertson, 1977; dan Paul, 1987 melihat perubahan adalah suatu proses yang dapat memberi kesan terhadap masyarakat. Nordskog (1960), sebagai "*the process of becoming different in any sense*". Pengkaji melihat perubahan dalam masyarakat dilihat secara umum dalam tiga perkara utama, iaitu perubahan persekitaran fizikal, perubahan ke atas faktor-faktor budaya dan perubahan institusi (keluarga, ekonomi, pendidikan, perundangan, dan kesihatan) (Junaenah *et al.* 2005). Dalam pembangunan, perubahan dijadikan kayu ukur yang asas dan indikator sangat penting untuk melihat sama ada proses pembangunan itu telah dapat menjana perubahan yang lebih baik berbanding sebelumnya (Siti Fairuz 2013b).

Bagi Wilbert Moore (1963); Bottomore (1972); Susanto (1977); & Jocabus (2015) perubahan sosial adalah merupakan suatu variasi atau perubahan yang meliputi dari aspek fizikal, material, rohani dan jasmani. Menurut Wilbert Moore (1963) mendefinisikan perubahan sosial sebagai perubahan penting daripada struktur sosial, yang dimaksudkan perubahan sosial adalah “pola-pola tingkah laku dan interaksi sosial”. Beliau turut berpendapat bahawa perubahan sosial bukanlah satu gejala masyarakat moden tetapi sebuah hal yang universal dalam pengalaman hidup manusia.

Menurut Bottomore (1972), perubahan struktur sosial (termasuk di sini perubahan-perubahan jumlah masyarakat) atau pada institusi-institusi sosial tertentu, atau dalam hubungan antara institusi-institusi. Menurutnya terdapat empat permasalahan utama. Pertama; daripada manakah permasalahan sosial itu berasal? Daripada dalam atau luar, Kedua; kondisi awal, apakah yang menyebabkan terjadinya perubahan-perubahan yang luas?. Ketiga; bagaimanakah kecepatan daripada proses perubahan sosial? Suatu proses perubahan sosial mungkin berlangsung cepat atau lambat dalam jangka masa tertentu. Keempat; Sejauh manakah proses perubahan sosial bersifat kebetulan, disengajakan atau dikehendaki?

Ini disokong oleh Susanto (1977), perubahan sosial dapat dihuraikan dalam dua peringkat iaitu menghuraikan prosesnya yang memperlihatkan seolah-olah perubahan sosial hanya perubahan khusus dalam kehidupan sosial, dan huraian pada peringkat teoritik, iaitu perubahan sosial bukan sekadar persoalan satu proses khusus dalam kehidupan sosial. Bagi Jocabus (2015) pula, ciri-ciri perubahan sosial adalah kepelbagaian organisasi sosial, kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi mendorong perubahan pemikiran ideologi, politik dan ekonomi, mobiliti, konflik budaya, perubahan yang direncanakan dan perubahan yang tidak direncanakan, dan kontroversi (pertentangan).

Terdapat kajian yang dilakukan mengenai komuniti muara iaitu kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati et al. (2017) dalam aspek perubahan sosiobudaya, hasil kajian yang dilakukan terhadap komuniti muara di Semenanjung Malaysia yang merangkumi enam komuniti muara mendapati bahawa mereka masih lagi mengekalkan sosiobudaya dalam aspek kejiwaan dengan begitu kuat dan menjadikannya sebagai amalan tradisi. Namun dalam aspek pekerjaan sebagai nelayan muara pengkaji mendapati bahawa golongan muda dalam

ahli komuniti enggan terlibat dengan pekerjaan sebagai nelayan muara dan mereka lebih suka bekerja di darat kerana ia adalah tetap dan menjamin masa depan.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa konsep tradisi dan perubahan saling berkaitan dan mempunyai hubungan kait dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan kajian ini, mendapati bagi membentuk perubahan pembangunan dalam sesebuah komuniti seharusnya konsep ini tidak lari daripada masyarakat.

KAJIAN LEPAS MENGENAI KOMUNITI MUARA/PESISIR

Bagi kajian di Pantai Timur mengenai komuniti muara/pesisir pantai. Umumnya, terdapat lima kajian utama mengenai komuniti pesisir pantai/muara dalam tahap sejarah berbeza. Pertama, Firth (1940-an; 1960-an) mengkaji tentang ekonomi nelayan di komuniti muara Perupuk/Besut, iaitu berkaitan masalah produktiviti. Kedua, kajian Ungku Aziz (1950-an) di Beserah tentang kemiskinan dan orang tengah. Ketiga, kajian Ishak (1980-an) di Perupuk berkaitan modal, teknologi dan agihan pendapatan; dan keempat, kajian Nor Hayati (2000-an) di Kuala Terengganu, meneliti persoalan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai.

Terdapat juga beberapa kajian lain, iaitu kajian yang dilakukan oleh Mohd Raduan (1998), Mohd Raduan & Amaluddin Bakri (2002) & penyelidik dari UMT (2017) mengenai sosiobudaya dan sosioekonomi komuniti muara. Kajian Mohd Raduan (1998) di Sungai Kapuas, Kalimantan Barat Indonesia. Pengkaji melihat komuniti muara ini daripada segi sosioekonomi iaitu pekerjaan mereka sebagai nelayan tradisional dan cara penangkapan ikan mereka di sungai serta pekerjaan sampingan pasangan dalam membantu ketua keluarga. Daripada sosio budayanya pula pengkaji melihat cara hidup, pergaulan ahli komuniti, aktiviti seharian kanak-kanak, orang dewasa dan golongan tua, sistem politik dan adat yang masih diamalkan seharian serta kemudahan sosial. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa komuniti muara di Sungai Kapuas ini yang terdiri daripada empat komuniti masih lagi hidup secara tradisi dan mengamalkan nilai-nilai tradisional dalam kehidupan, kehidupan mereka yang masih bergantung pada pekerjaan sebagai nelayan dan hasil tangkapan yang sekadar cukup-cukup makan menyebabkan mereka masih lagi miskin

dan tertinggal sedikit berbanding komuniti lain. Namun, kehidupan ahli komuniti ini masih berpegang kepada nilai dan norma mereka daripada akar umbinya dan identiti mereka masih dikekalkan. Daripada segi agama pula, mereka tidak mementingkan agama dan masih ramai yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme dan mencampur-adukkan kepercayaan tersebut dengan akidah Islam.

Selain itu, kajian dilakukan oleh sekumpulan penyelidik daripada UMT (2007) di Besut. Terdapat pelbagai aspek yang dilihat oleh pengkaji antaranya daripada aspek keagamaan, adat dan tradisi komuniti Kuala Besut, sosiobudaya dan sosioekonomi, peranan pihak kerajaan dalam membangunkan komuniti Kuala Besut dan pihak-pihak lain. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati majoriti penduduk Kuala Besut menjadi nelayan dan kehidupan mereka berada dalam serba kekurangan dan di bawah garis kemiskinan (Ibrahim Mamat & Nor Hayati 2007). Manakala kajian Nor Fatiha et al. (2018), memperlihatkan bahawa perubahan sosiobudaya dalam kalangan nelayan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah pendayaupayaan dalam melonjakkan diri, gabungan jalinan hubungan, pengalaman dan sikap mempelajari benda baharu.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan dilakukan di lokasi kajian iaitu di Kampung Pulau Sekati yang melibatkan sampel kajian seramai 25 orang informan yang terdiri daripada 22 orang ketua isi rumah (KIR) generasi pertama dan 3 orang isi rumah (IR). Selain itu, terdapat beberapa orang key informan turut ditemu bual bagi memberikan maklumat mengenai komuniti muara Kampung Pulau Sekati. Terdapat dua kriteria asas yang ditetapkan oleh pengkaji dalam pemilihan sampel iaitu informan kajian mestilah tinggal menetap 15 tahun dan ke atas di Kampung Pulau Sekati dan generasi terdahulu sebelum informan kajian adalah penduduk tetap di Kampung Pulau Sekati. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk semi etnografi di mana pengkaji melakukan kajian menggunakan soal selidik semi struktur dan pemerhatian turut serta pad tahun 2014 dan 2015. Temu bual ini dilakukan selama 4-5 hari seminggu bersama dengan informan kajian dan ahli komuniti muara. Data temu bual di transkrip dan dianalisis menggunakan perisian Nvivo10.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PERUBAHAN SOSIOBUDAYA

Perubahan Persekitaran Kampung Pulau Sekati

Justifikasi tempoh masa yang diambil 15-20 tahun ini adalah bermula selepas negara Malaysia mengalami kemerdekaan. Terdapat pelbagai Rancangan pihak Kerajaan dalam membantu penduduk seperti Rancangan Malaya Pertama sehinggalah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam tempoh ini, terdapat perubahan yang dialami oleh komuniti muara Kampung Pulau Sekati. Menurut informan Ramlee berusia 50 tahun dan merupakan generasi ketiga tinggal menetap di Kampung Pulau Sekati:

Maso dulu ore-ore (orang-orang) kat sini susah (susah), nak keluar (keluar) susah (susah)..kerja pon (pun) susah (susah)..semua kerja dalam ni la..tapi ado (ada) gak tubik (keluar)...dulu mana ada bantuan..pogram (program) ker (ke) gapo (apa)..tak mace (macam) sekarang hok (ada) banyak sangat bantuan kerajaan bui (bagi)..bantuan tu la bantuan ni la..pogram tu la..pogram ni la..cume kita jer nak join ke dok (tidak)..Dulu maso (masa) saya pegang mula-mula kampungni..tak dok (ada) apa eh kampung ni..ada pong (pun)..api..tapi 12 jam la..bila mula empangan tasik kenyrir buka..baru sini ada api 24 jam..jambatanpon tak dok (tak ada) dulu..ado (ada) pun jambatan dok (tidak) kukuh mana eh..kena bah(banjir)mampuh (roboh)..beza la dengan sekarang kan..." (Ramlee, 2014/2015).

Pendapat yang dinyatakan oleh Ramlee ini turut disokong oleh Informan Peah (74 tahun) dan Ramlah (70 tahun) yang merupakan generasi ketiga yang tinggal di Kampung Pulau Sekati. Perubahan ini turut dirasai oleh golongan muda iaitu informan Hafiz yang berusia 34 tahun dan merupakan generasi ketiga tinggal di Kampung Pulau Sekati. Daripada keterangan-keterangan informan terdapat perubahan yang berlaku dalam Kampung Pulau Sekati mengikut peredaran masa dan pelan perancangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini sedikit sebanyak membantu penduduk kampung dalam meningkatkan taraf hidup dan kehidupan.

Perubahan dalam Aspek Pendidikan

Pendidikan adalah merupakan satu agen sosial yang sangat penting bagi menjalankan proses pemsarakatan. Pendidikan merupakan jalan bagi seseorang individu untuk memajukan diri dalam kehidupan. Pendidikan adalah agen sosial yang sangat penting bagi menjalankan proses sosialisasi kerana ia membuka ruang dan peluang kepada

JADUAL 1. Tahap pendidikan Empat Generasi

Tahap Pendidikan	Datuk (n=2)	Bapa (n=25)	Informan (n=25)	Anak informan (n=106)
<i>Tahap Rendah</i>				
- Tidak sekolah	17	14	2	5
- Sekolah Rendah (UPSR)/ Sekolah Pondok	8	10	10	19
<i>Tahap Sederhana</i>				
- Sek. Men. Rendah (PMR)	-	-	4	20
- Sek. Men. Atas (SPM/STPM)	-	1	7	43
<i>Tahap Tinggi</i>				
- Sijil/Diploma	-	-	2	12
- Universiti	-	-	-	7

Sumber kerja Lapangan: 2015/2016

semua individu dalam mendapatkan pekerjaan (Nor Hayati et al. 2017). Oleh yang demikian, bagaimanakah tahap pencapaian pendidikan formal komuniti muara ini?. Artikel ini meneliti tahap pendidikan komuniti muara dalam empat generasi iaitu datuk informan, bapa informan, informan sendiri dan anak informan.

Berdasarkan jadual di atas, kajian mendapati bahawa terdapat satu perubahan dalam aspek pendidikan yang berlaku kepada komuniti muara, iaitu di mana aspek pendidikan telah ditekankan dalam komuniti muara selepas merdeka. Hasil kajian mendapati bahawa 11 orang informan mempunyai tahap pendidikan pada tahap sederhana dan 2 orang informan mendapat pendidikan pada tahap tinggi.

Kajian ini mendapati bahawa komuniti muara ini memberikan penekanan dalam aspek pendidikan anak-anak. Hanya 5 orang sahaja anak informan yang tidak bersekolah, 9 orang mempunyai tahap pendidikan pada tahap yang rendah, 63 orang mempunyai pendidikan sehingga tahap sederhana dan selebihnya 19 orang mempunyai tahap pendidikan tinggi. Terdapat beberapa sebab/alasan anak informan tidak mahu bersekolah kerana tidak minat dan ingin bekerja. Walaupun demikian, juga dilihat dalam aspek empat generasi bermula daripada generasi datuk dan ayah, terdapat perubahan yang positif dan anjakan paradigma bermula daripada informan kajian sehingga anak-anak informan.

Hasil temu bual bersama ibu bapa, mereka merasa bersyukur jika anak-anak mereka berjaya menghabiskan persekolahan sehingga Tingkatan

5. Bagi mereka, jika anak mereka tidak habis bersekolah mereka akan membantu ahli keluarga yang lain serta ibu bapa dengan melakukan kerja-kerja buruh yang mampu meraih pendapatan. Ini dapat dilihat bersama temu bual informan Ramlee merupakan generasi ketiga:

“Pendidikan kita cakap teruslah..dulu turun, rendah... sampai darjah enam tak mboh doh(tak nak)..dulu mak bapak kita tak mboh (tak nak) bagi sekolah sebab yang pertama kemampuan, kedua daripada segi dorongan tak dok.(tiada)..dorongan daripada orang tua..orang tua ponbodoh..tapi kita sekarang ni cerdik sikit..ada gok (jugak) yang mak bapak nak wariskan pekerjaan pada anak-anaknya..lebihkebanyakangituar..tapi anak sekarang pikiran lain sikitlah..ni nak cerita sikit.. dia mula sedar, pendidikan tu penting ho (jugak)..cikgu pun selalu turun (datang)..jumpa mak ayah..tulah timbul sedar tu” (Ramlee, 2014/ 2015).

Umumnya, kajian ini mendapati bahawa berlakunya transformasi dalam komuniti muara berdasarkan kepada aspek pendidikan yang telah dicapai oleh empat generasi ini. Ini diakui bahawa mobiliti komuniti muara Kampung Pulau Sekati ini turut meningkat dalam aspek pendidikan. Umumnya, kajian mendapati bahawa telah berlaku suatu perubahan ketara daripada aspek pendidikan iaitu peningkatan tahap pendidikan daripada generasi informan dan anak-anak. Ini kerana mereka telah mengakui kepentingan pendidikan dalam mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik dan pendidikan merupakan tunjang kejayaan dalam sesebuah perubahan.

Perubahan dalam Aspek Keagamaan

Agama merupakan pegangan hidup seseorang serta merupakan tunjang kehidupan setiap individu. Agamalah yang memandu kehidupan setiap manusia dalam melakukan setiap perkara di dunia ini. Tanpa agama pincanglah kehidupan individu tersebut. Agama adalah sangat berpengaruh dalam pembudayaan sesebuah masyarakat selain faktor lain seperti politik (Helena Sendera 2017).

Amalan keagamaan seperti solat berjemaah masih diamalkan dalam komuniti muara ini dalam setiap waktu, cuma waktu yang ramai Jemaahnya adalah pada waktu Maghrib dan solat Jumaat. Dahulunya pada tahun 1960-1980-an, bilangan ahli jemaah masjid mencukupi ini kerana masing-masing bekerja di kampung dan kawasan sekitarnya. Ia berbeza pada masa sekarang 2000-an iaitu bilangan ahli jemaah masjid kadangkala mencukupi atau sebaliknya.

Informan Hasim (bukan nama sebenar) berumur 62 tahun merupakan generasi kedua yang tinggal di Kampung Pulau Sekati ini bercerita tentang fenomena yang berlaku dalam Kampung ini. Informan menyatakan:

“Dia gini (begini)..dulu dok (kan)..tak dok (tiada) politik...kita ni semua pakat-pakat (pergilah) gi la kalau semayang (sembahyang) Jumaat..semayang samo-samo (sama-sama)...ada gok (jugak) yang tubik (sembahyang) luar..semayang (sembahyang) Palohtu..tapi boleh kiro (kira)...Dulu tahun 1960-an hingga 1980-an gitu kalo dok (tidak) silap pokcik..solat Jumaat penuh...lani (sekarang)..solat Jumaat boleh kiro (kira)...40 ore (orang) cukup-cukup jo (jer)..dulu lagi..pernah..dok (tak) cukup ore (orang)..kami panggil satu rumah ke satu rumah..lani (sekarang) kalo tak cukup jugok..kami solat zuhur jah (jer) la..” (Hasim, 2014/2015).

Selain itu, pada bulan Ramadan pula, aktiviti sembahyang terawih masih diamalkan dan diteruskan daripada dahulu (1960-an) hingga sekarang (2000-an). Lazimnya, pada tahun dahulu 1960-an sehinggalah 1980-an selepas sembahyang terawih terdapat jamuan makan atau lebih dikenali sebagai *moreh*. Jamuan makan “*moreh*” dahulunya akan disediakan oleh setiap buah rumah, kelainan yang terdapat di Kampung Pulau Sekati ialah dibuat pembahagian secara adil di mana 1 hari terawih bersamaan dengan 1 rumah yang akan menyediakan *moreh*. Juadah *moreh* secara tradisinya disediakan dalam talam oleh tuan rumah dan dibawa ke masjid.

Amalan ini masih diteruskan sehingga sekarang (2015) namun terdapat sedikit perbezaan, di mana juadah tidak lagi disediakan dalam talam, ia disediakan dalam pinggan atau pun mangkuk. Hasil temu bual bersama dengan Ramlah (bukan nama sebenar) berusia 72 tahun bercerita tentang amalan tradisi Kampung Pulau Sekati ketika bulan Ramadan. Informan menyatakan:

“Bulan Ramadan sini meriah..masing-masing bawa lauk..kuih-muih...lepas terawikh..makanlah ramai-ramai..Dulu biasanya kita buat pembahagian hari, mace (macam) 1 rumah 1 hari..jadi orang yang kena pada hari tu dia bawalah juadah..kita makan lepas terawikh..dia bawa dalam talam (dulang)..banyaklah..sekarang masih diamalkan lagi 1 hari dalam bulan Ramdhan 1 rumah tapi dok guna talam (dulang) doh (dah) la...” (Ramlah, 2014/2015).

Pernyataan informan Ramlah ini turut disokong oleh informan Hafis (36 tahun) merupakan generasi ketiga, dan informan Ramlah (70 tahun).

Umumnya, hasil temu bual bersama informan mendapati bahawa amalan keagamaan dalam komuniti muara ini masih teguh dan kukuh walaupun terdapat pelbagai halangan seperti ketidaksamaan pemikiran dan parti politik. Hubungan ahli komuniti juga erat walaupun kadang kala bercanggah pendapat, namun ia tidak membawa kepada permusuhan dan perbalahan. Aktiviti keagamaan yang dilakukan dalam kampung ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan positif kepada ahli komuniti serta merapatkan lagi hubungan dan ukhuwah yang terjalin antara mereka.

Perubahan Sosiobudaya dari Segi Adat Tradisi

Menurut Giddens (1984), budaya adalah keseluruhan cara hidup anggota masyarakat yang terdiri daripada nilai dan norma-norma pegangan mereka termasuk idea, teknik, tingkah laku yang dikongsi bersama dan dipelajari di samping diwarisi secara turun temurun (dlm. Ibrahim Mamat & Nor Hayati Sa'at, 2007). Budaya memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat. Budaya yang dipamerkan oleh seseorang menentukan siapa mereka dalam masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, budaya bukanlah bersifat kekal dan ia akan berubah mengikut situasi dan tempoh. Dalam masyarakat Kampung Pulau Sekati, terdapat beberapa budaya/adat yang masih diamalkan secara tradisinya, seperti adat kelahiran bayi, adat perkahwinan, kematian, dan budaya berkhatan atau bersunat beramai-ramai, namun ia diamalkan pada masa dahulu (1960-an sehingga 1990-an). Pada tahun 2000-an, ia telah mengalami perubahan dan semakin dilupakan.

1. Adat Kelahiran Bayi

Kajian mendapati adat yang dilakukan ke atas komuniti muara Kampung Pulau Sekati tidak jauh beza dengan masyarakat luar pada tahun 1960-an sehingga 1990-an bayi yang dilahirkan akan dilahirkan di rumah sendiri dengan bantuan bidan kampung, bayi diazankan jika ia lelaki dan diiqamat jika ia perempuan. Si ibu akan menjalani sesi berpantang selama 44 hari dengan dibantu oleh bidan seperti bertungku dan berurut bagi mengelakkan si ibu “bentan”. Selain itu, si ibu akan diberikan minuman akar, si ibu akan diajar cara-cara memandikan, menyusukan bayinya dan “membedung” anak mereka daripada mula lahir sehinggalah pada tempoh masa tertentu. Turut diadakan majlis mencukur jambul pada masa yang telah

ditetapkan dan kebiasaannya selepas si ibu habis tempoh berpantang. Menurut Informan:

“Hok dulu cukur pastu dia jiret (letakkan) ni kaki kat bumi (tanah) nung tempat nung” (Hasim, 2014/2015).

Pernyataan informan ini turut disokong oleh beberapa informan kajian seperti Salmiah (bukan nama sebenar), berumur 38 tahun dan merupakan generasi kedua tinggal di Kampung Pulau Sekati. Informan menyatakan:

“Horar (adalah), dia suh (suruh) jejak tanah mula-mula, nok (nak) rasa kan tanah.. adat orang dulu. Naik buai lah apa lah” (Salmiah, 2014/2015).

Namun, pada masa sekarang (2000-an) adat kelahiran bayi ini semakin dilupakan dan ditinggalkan oleh penduduk Kampung Pulau Sekati akibat proses pemodenan. Majoriti si ibu bersalin di hospital serta khidmat bidan tidak lagi digunakan semasa proses menyambut kelahiran bayi, jika digunakan hanyalah ketika proses berurut. Di samping itu, minuman akar kayu juga tidak lagi diamalkan kerana ia sukar didapati, mereka hanya meminum air herba yang dijual di pasaran kerana ia senang didapati.

Menurut informan kajian Munah (bukan nama sebenar) 63 tahun mengenai perbezaan proses wanita bersalin di Kampung Pulau Sekati dahulu dan sekarang. Informan menyatakan:

“Dulu memanglah semua orang beranak (bersalin) katrumoh (rumah)..mok (mak) bidan sambut...lani (sekarang ni) mana ada.. semua pakat gi hospital...senang..potong tali pusat..da ok baru balik...balik barulah berurut dengan bidan kampung seberang..lepas tu..minumlah herba-herba yang ada kat pasaran...manjakanilah dan mace2 (macam) lagilah..sekarangpon mak bidan dah moden..tak pakai akar-akar kayu..bukan apa mek (saudari)..susoh (susah) nak dapat..beli yang moden senang..semua ramuan ada..tinggal minum jer...pahit pong (pun) kurang..betul dok” (Munah, 2014/2015).

Kenyataan informan di atas turut diakui dan disokong oleh informan Normah (49 tahun) dan informan Ramlah (70 tahun) yang merupakan generasi ketiga tinggal menetap di Kampung Pulau Sekati.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa adat tradisi yang dahulunya diamalkan oleh komuniti muara ini sedikit sebanyak telah mengalami perubahan pada 2000-an

dan semakin ditinggalkan seiring dengan peredaran masa.

2. Adat Bersunat/Berkhatan

Bagi majlis berkhatan di Kampung Pulau Sekati dahulunya pada tahun 1960-an sehingga 1990-an, kanak-kanak yang berkhatan/bersunat akan dilakukan di rumah sama ada secara beramai-ramai atau individu. Kebiasaannya, kanak-kanak yang ingin disunatkan/dikhatankan akan direndamkan selama beberapa jam sebelum ia didudukkan di atas batang pisang dengan tujuan bagi memudahkan proses berkhatan. Dalam proses ini, khidmat Tok Mudim digunakan. Jamuan makan disediakan sama ada pada hari tersebut atau pada 2 hari sebelumnya bergantung pada keluarga. Bagi keluarga yang kaya, kanak-kanak yang ingin bersunat/khatan akan dibawa berarak sekeliling kampung menggunakan tandu sebelum dikhatankan. Ia bertujuan memberikan semangat, dorongan serta menunjukkan keberanian kanak-kanak tersebut bersunat/berkhatan. Hasil kerja lapangan iaitu temu bual bersama informan yang menceritakan tentang majlis berkhatan ini pada masa dahulu (1960-1990-an).

Informan Hasim (bukan nama sebenar), berusia 50 tahun bercerita tentang budaya bersunat yang dilakukan di Kampung Pulau Sekati dahulu (1960-an) dan sekarang (2000-an). Informan menyatakan:

“Dulu sini mace (macam) pesta lah kalo (kalau) sunat, sunat dulu guna mudim..celup budok-budok (budak-budak) dalam sungai sekati ni..pahtu (lepas tu)..duduk kan atas batang pisang..sunatlah..dulu buat 3hari...sunat ramai-ramai kang (ramai)... pakat ramai-ramai gotong-royong jamu makan sejak tahun 2000-an ni..tak dok (tiada) lagi guna tok mudim..sume (semua) pakat pergi hospital..Cuma kadang-kadanglah sunat ramai-ramai tapi tu bukan tok mudim..dokter kerajaan gok (juga) yang wat tu...dulu ngan (dengan) sekarang lain..banyok (banyak) beza...” (Ramlee, 2014/2015).

Pernyataan informan ini turut disokong oleh informan Nek Nah (70 tahun) yang merupakan generasi kedua dan Mok Su (60 tahun) merupakan generasi pertama.

Oleh yang demikian, diakui bahawa adat dan tradisi yang diamalkan oleh komuniti muara ini mengalami perubahan sedikit demi sedikit bermula pada tahun 2000-an mengikut peredaran masa dan zaman.

3. Adat Perkahwinan (Merisik, Bertunang, Bersanding)

Menurut Feraro (2012), perkahwinan itu merupakan satu 'kontrak implisit' antara lelaki dan perempuan yang mereka persetujui bersama. Malahan ini turut disokong oleh Saidatul (2014), perkahwinan adalah satu bentuk pengiktirafan sosial berhubung penyatuan antara lelaki dan perempuan yang membenarkan hubungan intim lelaki-perempuan, hak ekonomi dan tanggungjawab antara mereka dalam institusi perkahwinan. Melalui perkahwinan, ikatan sosial yang paling asas akan terbentuk iaitu bermula daripada keluarga asas akan terbentuklah keluarga yang besar dan seterusnya, akan berkembang membentuk sebahagian atau menjadi ahli dalam masyarakat.

Bagi penduduk Kampung Pulau Sekati lazimnya, pada tahun 1960-an sehingga 1980-an, perkahwinan penduduk Kampung Pulau Sekati diatur oleh keluarga, dan perkahwinan dalam kalangan ahli komuniti Kampung Pulau Sekati itu sendiri ini. Ini akan memudahkan kedua-dua pihak dan jarak yang dekat.

Proses yang berlaku sebelum seseorang pasangan itu berkahwin ialah pihak lelaki akan datang merisik pihak perempuan bagi mengetahui adakah perempuan yang dirisik itu sudah mempunyai atau pun belum. Jika belum mempunyai, maka akan diadakan upacara bertunang, semasa cincin disarungkan oleh ibu/wakil pihak lelaki. Lazimnya si lelaki (bakal pengantin) tidak hadir pada upacara tersebut, berbeza dengan sekarang (2000-an) di mana si lelaki (bakal pengantin) turut ada bersama semasa upacara bertunang itu berlangsung.

Setelah sampai tempoh masa yang ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak maka diadakan pula majlis perkahwinan seperti majlis berinai, bersanding dan makan beradab (makan damai). Unikunya, dahulu pada tahun 1960-an sehingga 1980-an majlis perkahwinan di Kampung Pulau Sekati hanya diadakan pada waktu malam sahaja. Ini disebabkan pada waktu siang tiada bekalan elektrik dan air dan ia menghadkan segala proses yang akan dilakukan di majlis perkahwinan tersebut. Manakala pada sebelah siang pula, akan diadakan majlis akad nikah dan jamuan makan, malamnya pula akan diadakan majlis bersanding. Terdapat juga pasangan yang bernikah siang dan selepas 2-3 hari baru majlis bersanding diadakan pada waktu malam.

Pelbagai tarian yang dipersembahkan ketika majlis bersanding berlangsung antaranya tarian rodan, zapin, dan Minang.

Selain itu, aktiviti gotong-royong ini dilakukan dua hari sebelum majlis berlangsung, antara aktiviti yang dilakukan iaitu aktiviti kukur nyiur (parut kelapa), potong bawang, potong daging. Semasa majlis berlangsung, makanan dihidangkan dalam mangkuk dan dihidangkan pada beberapa tempat untuk tetamu. Telur yang diberi kepada tetamu pada masa dahulu 1960-an sehingga 1980-an adalah telur ayam kampung yang diwarnakan dengan warna merah sirap. Selain itu, tidak terdapat khemah jamuan seperti sekarang dahulunya mereka memasang kain diikat pada pokok kelapa dan dijadikan sebagai atap bagi mengelakkan panas dan hujan serta dibuat pembahagian antara lelaki dan perempuan.

Selain itu, tetamu yang hadir akan diberikan buah tangan iaitu "nasi bodi". Nasi bodi ialah nasi diletakkan dalam daun pisang bersama dengan ikan aye (ikan tongkol) sebungkus seorang untuk dibawa pulang. Jika tiada nasi bodi ia akan digantikan dengan nasi kunyit. Pada masa sekarang (2000-an) pula, kadang-kadang tetamu diberikan nasi minyak untuk dibawa pulang sebagai tanda terima kasih dan mereka digalakkan datang bersama keluarga beramai-ramai bagi memeriahkan majlis ini kerana jamuan makan yang dihidangkan kebiasaannya lebih dan cukup untuk menampung jumlah tetamu yang hadir.

Temu bual bersama dengan informan Nek Nah (bukan nama sebenar), berusia 62 tahun dan merupakan generasi ketiga, tinggal bersama dengan cucu saudara. Menceritakan situasi perkahwinan pada zaman dahulu 1960-1980-an. Informan menyatakan:

"Orr dulu hor jamang (zaman) dulu dia ginning (gini), siang tu ye wak (buat) kenduri, malang (malam) tu ye sanding malang. Jamu malang (malam). Orr, sekarang ni tokdok (tiada) doh malang-malang. Siang belake. Dia wat malang (malam). Siang ni jamu. Malang (malam) gok baru ngating (pengantin) sanding. Orr nikoh siang, banyoknikoh siang er. Orr, kadang-kadang seminggu. Dua ari tu nikoh dulu baru wat kenduri sanding. Pakat ar (lah) pakat tulong (pakat tolong). Mitok (minta) tulong (tolong) tu pakat ar" (Nek Nah, 2014/2015).

Pernyataan informan Nek Nah ini turut disokong oleh Pok Su Nawī (70 tahun) merupakan

generasi ketiga dan Wan (74 tahun) generasi keempat.

Pada tahun 1990-an sehingga sekarang (2015), terdapat banyak perbezaan majlis perkahwinan yang berlangsung dalam masyarakat Kampung Pulau Sekati antaranya ialah majlis perkahwinan yang berlangsung akan dilakukan pada waktu siang sahaja bukan waktu malam seperti dahulu. Manakala acara kemeriahan seperti tarian rodan, zapin dan gamelan tidak lagi dilakukan dalam majlis perkahwinan jika ada pun cuma bersilat. Atap jamuan makan yang dulunya, diletakkan di bawah kain dengan diikat pada sebatang pokok telah digantikan dengan kanopi, makanan akan dihidangkan di dalam bekas (*buffet tray*) dan tetamu mengambilnya sendiri (*self service*) mengikut kehendak mereka. Tiada lagi “*nasi budi*” dan telur merah ayam kampung yang diberikan kepada tetamu yang hadir digantikan dengan beg cenderamata di dalamnya terdapat gula-gula, coklat dan kerepek. Sekarang ini majoriti memberikan telur ayam bandar kepada tetamu yang hadir. Ada juga yang memberikan gula-gula sebagai pengganti telur serta peralatan majlis seperti pinggan mangkuk tidak lagi dipinjam daripada balai raya di kampung.

Umumnya, walaupun terdapat perbezaan yang ketara majlis perkahwinan zaman dahulu (1960-an) dan sekarang (2015) di Kampung Pulau Sekati namun terdapat amalan tradisi yang terus diamalkan oleh komuniti muara ini, iaitu amalan gotong royong di rumah pengantin, iaitu dua hari sebelum majlis berlangsung orang kampung telah mula menjalankan acara gotong royong seperti memasang khemah, menyusun bangku dan meja, bagi perempuan pula menyediakan beg cenderamata, memasang langsir, dan sebagainya. Seharian sebelum majlis berlangsung, aktiviti kupas bawang, daging, dan ayam dilakukan secara gotong royong oleh penduduk Kampung Pulau Sekati. Amalan ini berterusan diamalkan dalam komuniti muara ini bagi mengeratkan hubungan dan ukhuwah di antara ahli komuniti.

Hubungan Kekeluargaan dan Aktiviti Kemasyarakatan:
Tidak Lapuk Ditelan Zaman

Keluarga merupakan sebuah aset dalam komuniti. Sesebuah keluarga yang baik akan melahirkan ahli yang baik dalam komuniti. Manakala komuniti pula, menurut Ferdinand Tonnies (1855-1936) terbahagi

kepada dua iaitu *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft*. Komuniti *Gemeinschaft* menggambarkan manusia terikat dengan nilai-nilai umum yang sama, tradisi dan pertalian darah, berkongsi satu wilayah fizikal, pengalaman dan pemikiran serta interaksi sosial yang berlaku adalah melibatkan hubungan prima yang sangat rapat dan bersemuka. Ini amat berbeza sekali dengan komuniti *Gesellschaft* di mana manusia dalam organisasi sosial yang berkait dengan kapitalisme dan fahaman industri, kurang pertalian dan persahabatan. Komuniti Kampung Pulau Sekati dikategorikan sebagai komuniti *Gemeinschaft* (Abdul Rahman 2012).

Dalam aspek ikatan kekeluargaan, kehidupan ahli komuniti muara ini sangat akrab sesama ahli keluarga dan jiran tetangga daripada tahun 1960-an sehingga 2000-an. Namun, hubungan ini mengalami perubahan akibat perbezaan pegangan politik di kampung, walau bagaimana pun ia sedikit sebanyak tidak mengurangkan semangat dan ikatan yang terjalin antara satu sama lain.

Setiap aktiviti yang dilakukan, akan dilakukan secara bersama misalnya jika ada majlis keramaian mereka akan bersama-sama berganding bahu bergotong royong dalam menjayakan majlis tersebut. Malahan, jika terdapat ahli komuniti menghadapi masalah ia dapat berkongsi dengan ahli komuniti yang lain. Selain itu, tahap kepercayaan mereka antara satu sama lain adalah pada tahap yang tinggi. Hubungan yang dijalinan adalah berteraskan kepercayaan dan keikhlasan antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Umumnya, corak sosiobudaya komuniti bukanlah sesuatu yang baru, ia telah lama dikaji namun berbeza sedikit dengan komuniti muara ini iaitu Kampung Pulau Sekati. Kajian mendapati telah berlaku satu perubahan besar antara generasi daripada aspek pendidikan komuniti muara ini. Tidak seperti generasi datuk dan bapa, perubahan dalam aspek pendidikan telah bertambah baik dalam kalangan informan dan anak informan. Ini kerana aspek pendidikan adalah penting dalam memajukan diri seseorang individu dalam komuniti ini seiring dengan kata-kata Za'ba (1920-an) bahawa “kekurangan pelajaran yang betul adalah penyebab utama kemiskinan orang Melayu” (dlm. Nor Hayati, 2010). Selain itu, terdapat adat-adat dan budaya yang masih diamalkan dan tidak diamalkan secara tradisi di Kampung Pulau Sekati iaitu telah

mengalami perubahan seperti adat kelahiran dan adat bersunat/berkhatan. Amalan-amalan tersebut dilaksanakan secara tradisi dalam komuniti muara ini bermula daripada tahun 1960-an sehingga 1990-an sahaja. Namun, bermula pada tahun 2000-an ia mengalami perubahan dan tidak lagi diamalkan secara tradisi. Bagi adat perkahwinan pula, ia diamalkan secara tradisi bermula pada tahun 1960-an sehingga 1980-an. Selepas tempoh tersebut adat itu telah mengalami perubahan dan tidak lagi diamalkan secara tradisi dalam komuniti muara ini. Manakala, bagi hubungan kekeluargaan dan kejiwaan sesama ahli komuniti muara adalah akrab dan erat antara satu sama lain. Tidak ketinggalan juga, amalan keagamaan yang dilakukan secara turun temurun dalam komuniti muara ini ia masih kekal dilakukan sehingga sekarang. Walaupun terdapat perubahan sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti muara Kampung Pulau Sekati seiring dengan peredaran zaman namun hubungan kekeluargaan, ikatan kejiwaan, aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan dalam komuniti muara ini sentiasa erat sehingga sekarang.

Hasil penyelidikan Nor Hayati (2017) mengenai sosiobudaya dan mobiliti sosial komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu dan kajian ini di komuniti muara Kg Pulau Sekati mempunyai persamaan. Kajian mendapati corak kehidupan komuniti ini, khususnya nelayan masih lagi tidak dapat mengecap kemajuan dan peningkatan yang ketara dalam kehidupan mereka. Corak kehidupan mereka masih lagi dalam keadaan serba kekurangan walaupun mereka berupaya menikmati pelbagai keperluan hidup. Namun, dari aspek kehidupan sosiobudaya mereka masih erat dan kukuh walaupun berada dalam keadaan serba kekurangan, bersamaan dengan sosiobudaya komuniti muara ini.

Sementara itu, daripada segi implikasi dasar, kajian ini melihat bahawa isu 'ketidak-sampaian' program pembangunan kepada kelompok sasar iaitu komuniti muara. Oleh yang demikian, perlulah diwujudkan suatu badan yang mampu menguruskan program-program dan bantuan pembangunan supaya pendekatan atas ke bawah seiring dengan pendekatan bawah ke atas kepada kelompok sasar iaitu komuniti muara. Dalam kajian ini isu 'kesampaian dan ketidaksampaian' sering diperkatakan oleh komuniti muara ini. Dapatan yang sama diperoleh melalui kajian Nor Hayati (2017) terhadap komuniti pesisir pantai, khususnya nelayan pesisir pantai.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2007. Pembangunan Negara dan Pembangunan Insan. Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- _____. 2012. *Terengganu Merentasi Tiga Abad*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).
- Bloom, A. 1987. *The Closing of American Mind*. New York: Simon and Schuster.
- Bottomore, T.B. 1972. *Sociology, A Guide to Problem and Literatur*. London; George, Allen and Gwin Ltd.
- Ferraro, G. 2012. *Cultural Anthropology: An Applied perspective*. 7th. Edition. US: Thomas Wadsworth.
- Firth, R. 1966. *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. London: Routledge and Kegan Paul.
- _____. 1990. *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1999. *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidaksetaraan Ekonomi dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Giddens, A. 1984. *The Constitution of Society: Outline of a Theory of Structuration*. Berkeley: University of California Press.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. 2017. Pengaruh budaya tradisi dan Islam dalam evolusi adat dan ritual kematian komuniti Bajau. *Akademika* 87(3): 31-46.
- Hope, K. R. 1980. Social changes and rural regional community development in the United States. *Community Development Journal* 15(2): 110-116.
- Ibrahim Mamat dan Nor Hayati Sa'at. 2007. Budaya dan perubahan sosiobudaya komuniti. Dlm. *Ekspedisi Komuniti Nelayan Kuala Besut: Isu dan Perspektif Penyelidikan*, disunting oleh Nik Fuad Nik Mohd Kamil, Mohd Shaladdin Muda dan Muhammad Najit Sukemi. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- International Encyclopedia of the Social Sciences. 2008. Darity Jr, W. A. (ed.). Vol 3. USA: The Macmillan Company & The Free Press.
- Ishak Shari. 1990. *Ekonomi Nelayan: Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1999. *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidaksetaraan Ekonomi dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jocubas Ranjabar. 2015. *Perubahan Sosial Teori-Teori dan Proses Perubahan Sosial serta Teori Pembangunan*. Bandung: Penerbit ALFABETA.
- Junaenah Sulehan, Nor Azizan, Nik Hairi & Mohd Yusof. (2005). *Masyarakat, Perubahan dan Pembangunan*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katiman Rostam, Asmah Ahmad, Sulong Mohamad, Mohd Fuad Mat Jali dan Mohd Azlan Abdullah. 2006. *Transformasi Desa-Bandar: Koridor*

- Kemaman-Dungun, Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia. Okt 2015. *Ucapan Belanjawan 2016*. Putrajaya: PNMB.
- Mohd Raduan Mohd Arif. 1998. Kampung air nelayan tradisional di muara Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia: Satu tinjauan. *Jati (4)*: 34-49.
- Mohd Raduan & Amaludin Bakri. 2002. Masyarakat di Negeri Pahang: Satu kajian sosioekonomi. *Jati (7)*:175-195.
- Moore, W. E. 1963. *Social Changes*. Englewood Cliffs, N.J. Prentice Haall Inc.
- Nordskog. 1960. Dlm. Masyarakat, Perubahan dan Pembangunan. Dlm. JunaenahSulehan, Nor Azizan, Nik Hairi & Mohd Yusof. (pnyt). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Fatiha Othman, Abdul Rahman Latip & Nor Hayati Sa'at. 2019. Fasa peralihan nelayan laut dalam serta kesan ke atas ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran. *Akademika* 89(2): 169-15.
- Nor Hayati Sa'at. 2010. Keluar Dari Lingkaran Kemiskinan: Mobiliti Sosial di Kalangan Komuniti Pesisir Pantai, Kuala Terengganu. Tesis Ph.D. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nor Hayati Sa'at, Yahya Ibrahim, Azlina Aziz, Wan Ahmad Amir Zal & Dara Aisyah. 2014. *Keterpinggiran dan Transformasi dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Laporan ERGS. Universiti Malaysia Terengganu.
- Nor Hayati Sa'at. 2014. Pembangunan dan transformasi sosioekonomi dan sosiobudaya komuniti pesisir Kuala Terengganu. Dlm. *Sains Sosial dan Kajian Pembangunan: Kumpulan Rencana Penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong*, disunting oleh Chin Yee Wah, Nor Hayati Sa'at & SityDaud. Selangor: PSSM & IKMAS, UKM.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. 2017. Pola perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di pantai timur Semenanjung Malaysia. *Akademika* 87(3): 163-176.
- Paul, S. 1987. *Community Participation in Development Project*. The World Bank.
- Ploch, L. A. 1976. Community development in action. *Journal of Community Development Society* 7 (1): 5-15.
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roberston. 1977. Human capital and growth. *The American Economic Review* 9(2): 12-17.
- Saidatul Normis Mahali. 2014. Berian/ barian perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah: Satu tinjauan dini. *Akademika* 84 (3): 3-13.
- Schnore, F. L. 1967. *Urban Research and Policy Planning*. USA: Sage Publication.
- Shamsul Amri. 1990. *Malaysian Development Experience: Change and Challenges*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration.
- Siti Fairuz Yusof. 2013a. *Antara Tradisi dan Perubahan: Kajian Kes di Kampung Pulau Sekati Kuala Terengganu*. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UnISZA 2013 Peringkat Kebangsaan.
- _____. 2013b. *Antara Tradisi dan Perubahan: Kajian Kes di Kampung Pulau Sekati Kuala Terengganu*. Prosiding Kolokium Siswazah Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi. Universiti Malaysia Terengganu.
- Susanto. 1977. *Pengantar Sosiologi dan Perubahan Sosial*. Bandung: Binacipta, Bandung.
- Ungku A. Aziz. 1987. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Siti Fairuz Mohd Yusof (Corresponding Author)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
Email: sitifairuzusof87@gmail.com

Dr. Nor Hayati Sa'at
Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari/
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu
Malaysia
Email: norhayati@umt.edu.my

Received: 30 Mei 2018
Accepted: 10 September 2019

